

## **Pukulan Mendidik dalam Islam bagi Membentuk Konsistensi Solat Anak-Anak**

### *The Rule of Canning in Establishing the Consistency of Prayer Among Children from Islamic Perspective*

**Nadiyah Hashim**

Universiti Teknologi Mara, Perlis

**Jamalia Aurani**

Universiti Teknologi Mara, Perlis

**Noraini Ismail**

Universiti Teknologi Mara, Perlis

#### **ABSTRAK**

Tajuk kajian menfokuskan kepada tuntutan merotan anak jika mereka enggan solat seperti yang disebut dalam hadis nabi yang bermaksud “Perintahlah anak-anakmu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika meninggalkannya ketika berumur sepuluh tahun serta pisahkan tempat tidur mereka” (Riwayat Abu Daud). Ini menunjukkan bahawa agama Islam memberi hak dan tanggungjawab kepada ibu bapa supaya merotan anak-anak bagi yang meninggalkan solat ketika umur sepuluh tahun ke atas pendekatan mendidik dengan cara merotan ini adalah merupakan kesalahan dalam undang-undang beberapa negara. Seperti yang pernah tular di media yang berlaku kepada rakyat Malaysia yang dipenjarakan atas kesalahan memukul anak mereka yang enggan menunaikan solat. Hukuman kepada kanak-kanak yang mendatangkan kecederaan pada badan telah diharamkan oleh beberapa negara. Walau bagaimanapun belum ada tindakan atau larangan hukuman fizikal terhadap anak-anak setakat hari ini oleh undang-undang negara kita selagi tidak membawa kepada

penderaan. Objektif kajian ialah (i) menghuraikan hukuman rotan dalam Islam terhadap anak-anak yang meninggalkan solat dan (ii) menganalisis kepentingan hukuman rotan perlu dilaksanakan terhadap anak-anak yang meninggalkan solat. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menggunakan analisa deskriptif kajian-kajian yang berkaitan dalam mendapatkan hasil dapatan perbincangan. Kesimpulannya, Islam itu tidak pernah suka kekerasan dan kekasaran. Adalah tidak benar sama sekali untuk meletak Islam itu agama yang tidak ada toleransi hanya kerana memahami hadis ini secara suratan. Islam memberi penerangan pukulan bagaimana yang dibolehkan dan yang bagaimana harus dielakkan. Penulisan ini mencadangkan agar kajian mendalam perlu dijalankan agar garis panduan merotan dengan oleh ibu bapa dapat dikeluarkan dengan mengambil kira adab, akhlak, hikmah dan takdib. Ini kerana tujuan memukul dalam tahap ini ialah untuk mendidik dan bukannya memukul kerana hukuman melanggar ketatasusilaan dalam masyarakat. Di samping tujuannya yang tidak lari daripada untuk mengembalikan anak-anak ke dalam kawalan ibu bapa.

*Kata kunci: Pukulan; Mendidik; Solat Anak-Anak.*

### **ABSTRACT**

The focus of the study is to emphasize the importance of nurturing children in performing the obligation of prayer as mentioned in the Hadith narrated by Abu Daud; "Command your children to pray when they become seven years old, and beat them for it (prayer) when they become ten years old, and arrange their beds (to sleep) separately." Hence, it clearly shows that Islam has given the acknowledgement for the parents to implement physical punishment solely for education purposes. Concerning this matter, Malaysian news previously reported, that a Malaysian man was arrested for canning his children who refused to perform prayers. In fact, the physical punishment of children has been banned in some countries. However, Malaysia in particular, there are no specific regulations or prohibitions on the physical punishment of children unless it has resulted in physical abuse. Therefore, the aims of this study are to (i) describe the ruling of canning in Islam for children who are reluctant to perform the prayer, and (ii) to analyse the importance of Islamic physical punishment in educating children who reluctantly perform prayer. This study is qualitative in nature by adopting the descriptive analysis of relevant studies to get the results of the discussion.

Thus, the finding shows that Islam never propagates the idea of violence in any circumstances. Therefore, understanding the literal meaning of the Hadith is insufficient to comprehend the underlying concept of physical punishment as it is addressed in Islam. This suggests that a proper understanding of the Hadith should be taken into consideration to provide the appropriate guidelines in physical punishment as a way of educating the children by considering the elements of morality, ethics, and the wisdom behind the acknowledgment of Islam in this matter. This is because the rationale of physical punishment in Islam is as an intervention in educating and nurturing the children without disregarding the element of values. Furthermore, the rule of canning in Islam is permissible as to conserve parental authority over the children.

*Keywords: The Rule of Canning in Islam; Physical Punishment; Education; Prayer.*

## **PENDAHULUAN**

Firman Allah dalam Surah Taha 20:132 yang bermaksud, “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.”

Firman Allah mengenai nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya dalam surah Luqman 31:17 yang bermaksud, “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala’ bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.”

Islam telah menjelaskan bahawa ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak-anaknya. Seperti mana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap kamu adalah penjaga dan akan ditanya tentang jagaannya. Pemerintah merupakan penjaga dan akan disoal tentang jagaannya. Seorang lelaki adalah penjaga ahli keluarganya dan akan disoal tentang jagaannya. Seorang wanita di rumah suaminya adalah seorang penjaga dan dia akan ditanya tentang jagaannya. (Hadis riwayat Bukhari, Bab Karahiah al-Tatawalu ala al-Raqiq. No 2554)

Kewajipan mendidik kanak-kanak mendirikan solat bermula umur tujuh tahun dan harus memukul anak yang enggan solat apabila telah mencapai umur sepuluh tahun. Perkara ini disebutkan dalam hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Perintahkanlah anak-anak kamu mengerjakan sembahyang sewaktu mereka itu berumur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkannya sewaktu mereka itu berumur sepuluh tahun.” (Hadis riwayat Abu Daud, Bab *Mata Yukmaru al-Qhulam Bi al-Solah*. No 494)

### **Hukuman dengan Cara Memukul/ Merotan Kanak-Kanak**

Masyarakat asia dikenali dengan masyarakat yang amat mengambil berat perkembangan jasmani dan intelektual anak anak terutama dalam aspek pendidikan agama. Antara cara didikan anak anak yang sinonim dengan masyarakat kita ialah dengan cara penggunaan rotan. Rotan bukan perkara asing dalam proses mendidik anak-anak malah setiap rumah pasti memiliki rotan yang tergantung samada ia sekadar hiasan atau sememangnya digunakan dalam proses mendidik anak-anak.

Namun pendekatan mendidik dengan cara merotan ini adalah merupakan kesalahan dalam undang-undang beberapa negara. Seperti yang pernah tular di media yang berlaku kepada rakyat Malaysia yang dipenjara atas kesalahan memukul anak mereka yang enggan menunaikan solat. Hukuman kepada kanak-kanak yang mendatangkan kecederaan pada badan telah diharamkan oleh beberapa negara contohnya seperti kes yang pernah berlaku kepada pasangan suami isteri di Sweeden yang dipenjara pada 18 Disember 2013 atas kesalahan memukul anak mereka yang meninggalkan solat. (Astro Awani, 31 Mac 2014)

Perkara ini berkaitan dengan undang-undang yang memelihara kanak-kanak dari sebarang hukuman berbentuk kecederaan fizikal yang digunapakai oleh beberapa negara. Siti Amalina Ahmad Khairuddin (2019) menulis: *“Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima pakai beberapa ketetapan dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak pada 20 November 1989. Konvensyen ini mengandungi 54 perkara yang menekankan kepentingan dan hak kanak-kanak. Antara hak yang terkandung dalam konvensyen tersebut ialah hak untuk hidup, hak untuk membangun peribadi melalui pelajaran, hak untuk dilindungi daripada semua jenis penganiayaan dan hak untuk mengambil bahagian. Malaysia telah menerima konvensyen ini pada tahun 1995 dengan beberapa reservasi. Pada tahun 2001 pada persidangan kali ke 26, Jawatankuasa Hak Kanak-Kanak telah mengeluarkan kenyataan umum berhubung perkara ke 29 (1) yang berhubung dengan pendidikan kanak-kanak yang mesti dihalatujukan kepada perkembangan personaliti, bakat, kebolehan mental dan fizikal kanak-kanak. Deraan fizikal dianggap kesalahan jenayah.117 buah negara di dunia ini telah mengharamkan pelaksanaan hukuman dera ke atas kanak-kanak di sekolah. Walau bagaimanapun, Malaysia masih meneruskan*

*pelaksanaannya dengan penambahbaikan pada garis panduan pelaksanaan sepertimana yang dapat dilihat dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003. Namun, pada tahun 2015 telah timbul satu cadangan daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada ketika itu untuk menjadikan hukuman rotan oleh ibu bapa ke atas anak-anak sebagai satu kesalahan jenayah. Menurut beliau, walaupun hukuman rotan merupakan sebahagian budaya masyarakat Malaysia, kerajaan perlu akur kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak yang memandang serius perkara tersebut. Namun, cadangan ini mendapat bantahan daripada segenap lapisan masyarakat melibatkan mufti, tokoh masyarakat, ahli politik, persatuan guru dan sebagainya. Akhirnya, setelah mengambil kira pelbagai pandangan, akhbar melaporkan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk menjadikan rotan anak sebagai satu kesalahan jenayah sepertimana yang telah dicadangkan. Walaupun Malaysia tidak menerima pakai larangan pelaksanaan hukuman dera seperti rotan ke atas kanak-kanak, masyarakat Malaysia kini didapati lebih peka dan sensitif terhadap pelaksanaan hukuman rotan di sekolah.”*

Kajian Md. Zahidul Islam (2015) mendapati Malaysia juga telah menyertai Konvensyen hak-hak Kanak-kanak (CRC) pada tahun 1995 dan Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) adalah undang-undang utama yang membentuk persekitaran undang-undang perlindungan untuk kanak-kanak di negara ini. Walau bagaimanapun belum ada tindakan atau larangan hukuman fizikal terhadap anak-anak setakat hari ini.

Di Malaysia hukuman rotan sudah diletakkan garis panduannya dalam perlaksanaan di sekolah. Dengan adanya penentuan dan had hukuman disiplin yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 tersebut, maka pihak berkuasa sekolah tidak boleh menjatuhkan hukuman yang melebihi daripada apa yang diperuntukkan di atas.

Bagi perlaksanaan hukuman rotan di sekolah, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P Kamalanathan berpendapat tindakan merotan tidak boleh dilaksanakan secara sewenang-wenangnya, selain bukan dianggap sebagai perosak aspek fizikal pelajar. Ia mempunyai SOP perlu dituruti iaitu mengambil tindakan memberi amaran, denda dan melaksanakan kelas tahanan sebelum tindakan merotan pelajar (Berita Harian, 22 Mac 2018). Begitu juga pandangan Timbalan Menteri Pendidikan Chong Sin Woon juga ada menyebut menyebut beberapa prosedur harus dipatuhi terlebih dahulu sebelum dijatuhkan hukuman rotan. Pihak sekolah akan mengeluarkan amaran lisan, amaran kes, amaran bertulis disusuli perjumpaan dengan ibu bapa. Sekiranya bersalah, rotan maksimum tiga kali untuk pelajar lelaki di bahagian tangan dan diadakan secara tertutup (Berita Harian, 15 November

2017). Kenyataan bekas Ketua Pengarah Pelajaran, yang kini merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Tan Sri Abdul Rahman Arshad, berpendapat Kementerian Pendidikan diminta memperkenalkan semula sistem hukuman rotan di sekolah. Tidak kiralah, siapa (guru) yang dibenarkan merotan, tetapi pastikan pelajar sekarang 'gerun' melakukan kesalahan. Jelaskan kenapa mereka bersalah dan wajar dihukum rotan. Kementerian dan pihak sekolah, kena ada juga kaedah menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar (Berita Harian, 8 November 2014).

Zainuddin Abu Bakar (2010) dalam kajiannya pula mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di SMK Ulu Tiram, Johor. Kajian mendapati persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan dari segi disiplin dan salah laku berat berada pada tahap sederhana. Ini bermakna hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan masih lagi sesuai dilaksanakan di sekolah tetapi ia perlulah dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan.

### **Hukum Rotan Dalam Islam**

Mufti Negeri Sembilan Y. B S. S Dato' Hj. Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad (2019) dalam satu kertas kerjanya yang bertajuk Pendidikan Anak Dengan Solat menyatakan bahawa hadis Rasulullah yang menyuruh merotan anak yang meninggalkan solat ketika umurnya sepuluh tahun tidak semata-mata rotan kerana meninggalkan solat sahaja. Dikiaskan juga solat dalam hadis ini ialah ibadah-ibadah lain seperti puasa, haji dan zakat bahkan hendaklah kita memberi kefahaman kepada anak-anak bahawa ibadat menurut Islam tidak terbatas kepada empat perkara ini sahaja tetapi merangkumi segala amal soleh seperti perkara halal haram sejak mereka kecil lagi sebagai didikan dan membentuk jiwa yang beragama yang dapat mengawal dirinya daripada kesesatan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita memberi tunjuk ajar kepada anak-anak kita untuk membezakan perkara baik dan buruk, masalah halal dan haram, antara hak dan batil. Di samping itu, ibu bapa hendaklah menjadi tauladan dan model terbaik dalam melakukan apa yang dihalalkan dan meninggalkan apa yang dilarang. Ibu bapa juga memberi penekanan konsep balasan kepada kesalahan yang dilakukan oleh anak. Sehubungan dengan itu, kita harus mendenda anak sekiranya mereka cuai atau melakukan kesalahan. Berdasarkan ini, Islam mengharuskan kita memukul atau merotan anak sekiranya mereka meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun. Usia ini merupakan usia anak-anak telah mencapai umur baligh atau hampir baligh iaitu usia taklif.

## **Kepentingan Bimbingan Spiritual terhadap Anak-Anak yang Meninggalkan Solat**

Kajian Masthurrah Ismail (2013) menyatakan anak-anak perlukan bimbingan seimbang dalam pendidikan. Semata-mata mengutamakan perkembangan fizikal dan mental akan menyebabkan masalah jiwa dan ketidakseimbangan rohani. Kajian beliau mengambil kira pandangan Ibnu Khaldun, al-Ghazali, Imam al-Alim dan Ibnu Qayyim al Jawziyyah yang menekankan persekitaran anak-anak yang akan membentuk akhlak dan jati diri mereka. Ibu bapalah antara yang bertanggungjawab memastikan perkembangan mental, fizikal dan spiritual anak-anak dalam keadaan yang betul.

Masalah emosi juga antara yang menyebabkan pelajar berkelakuan buruk dan melakukan tindakan yang tidak sewajarnya. Terdapat kajian yang mengkaji hubungan emosi dengan pelaksanaan solat. Hasil kajian Masjuki Misbah (2017) menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat fardu dengan kecerdasan emosi walaupun pada tahap kadar yang lemah.

## **Garis Panduan Hukuman Rotan Di dalam Islam**

Menurut Lilly Suzana Shamsu (2016): *“Apa yang ditakrifkan sebagai ‘pukul’ dalam hadis ke 494 Sunan Abu Daud di atas bukanlah ‘pukul’ yang ditakrifkan oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak yang digesa untuk dibasmi. Kedua-duanya adalah dua entiti yang sangat berbeza dan tidak mempunyai sebarang korelasi melainkan pada istilah zahir semata. ‘Pukul’ dalam istilah yang dianjurkan oleh hadis ini mempunyai kriteria yang sangat bertentangan dengan ‘pukul’ yang dinyatakan dalam Konvensyen berkenaan. Justeru, pendidikan Islam seiring dengan Konvensyen berkenaan menghalang sebarang bentuk hukuman dera sama ada dari segi fizikal mahupun emosi dan mental. Dalam hal ini, ‘pukul’ menurut dimensi Syarak hanya sinonim pada istilah namun tiada elemen ‘dera’ bersamanya. Ini kerana, konsep ‘pukul’ di sini tidak sekadar bermatlamatkan untuk mendapatkan ketaatan dan mematuhi disiplin malah bagi mendapatkan kerjasama baik di samping ikatan ukhuwah tidak akan tercalar. Pastinya kerjasama baik tidak akan diperolehi dengan kekerasan dan jalinan kemesraan tidak mampu dilestari dalam kesakitan. Abdullah Naseh ‘Ulwan seorang pakar pendidikan dalam bukunya yang masyhur Tarbiatul Awlad fi al-Islam merumuskan bahawa hukuman ‘pukul’ hendaklah mengikut syarat-syarat berikut: Ibu bapa atau penjaga mestilah terlebih dahulu menggunakan segala usaha nasihat dan mendidik yang lain terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan merotan apabila cara yang lembut sudah tidak*

*berkesan. Tidak merotan anak-anak semasa dalam keadaan terlalu marah yang boleh menyebabkan kecederaan terhadap anak-anak. Tidak merotan di tempat-tempat larangan atau merbahaya seperti muka, kepala, dada dan perut anak-anak. Rasulullah SAW ketika dalam perang sekalipun melarang untuk membunuh dengan mengenakan muka. Jika ketika membunuh pun Rasulullah larang apatah lagi dalam bab pendidikan tentunya lebih dilarang. Adapun pukulan pada dada dan perut dilarang kerana boleh memudaratkan yang jika berlebihan boleh membawa maut.*

*Tindakan merotan kali pertama terhadap anak-anak mestilah perlahan, tidak terlalu kuat yang boleh menyakitkan sama ada di tangan atau kaki. Jika tidak berkesan untuk satu rotan maka terus dirotan sehingga tiga kali. Jika masih berdegil selepas dirotan sebanyak tiga kali maka boleh dirotan sehingga sepuluh kali tetapi jangan melebihi jumlah itu sebagaimana sebuah hadis nabi SAW yang bermaksud: “Jangan merotan seseorang melebihi sepuluh kali melainkan dalam menjalankan hukum hudud Allah” (Riwayat Muslim (4557). Tidak merotan anak-anak yang belum sampai umurnya sepuluh tahun sebagaimana hadis yang kita bincangkan ini.*

*Apabila anak-anak meminta melalui lisan agar jangan merotannya ketika mahu dirotan buat kali pertama maka hendaklah diberi peluang kepada mereka berubah tanpa dirotan berserta dengan janji untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama selepas itu. Tindakan ini adalah lebih baik berbanding tetap merotan mereka. Ibu bapa atau penjaga mestilah merotan sendiri anak-anak yang degil bukannya mewakilkannya kepada adik-beradik atau kawan-kawan yang lain untuk melakukannya bagi mengelakkan timbulnya persengketaan antara adik-beradik. Apabila anak-anak sudah baligh dan didapati sepuluh kali rotan adalah tidak mencukupi bolehlah ia menambah jumlah pukulan rotan tersebut atau diulang selalu sehingga dia dapat menjalani kehidupan ini di bawah prinsip wahyu.*

Dr A'dawiyah Ismail berkata Islam bukan agama bersifat ‘menghukum’ sebaliknya terdapat pelbagai pilihan dan pendekatan untuk dijadikan panduan dalam fasa perkembangan serta pembentukan sahsiah anak-anak. Menurutnya rotan ialah langkah terakhir setelah segala pendekatan lembut telah digunakan. Allah SWT sendiri memerintahkan sesama makhluk menjaga hubungan dan menegur antara satu sama lain tetapi bukanlah sehingga ke tahap mencederakan atau mendatangkan bahaya, bahkan perlu dielakkan merotan sehingga menyebabkan penderaan, kerana ia bukan tujuan asal ia dibolehkan dalam agama,” (Berita Harian, 8 Julai 2019)

## PERBINCANGAN

Solat merupakan tiang agama. Pengabaian ibadah solat merupakan satu kesalahan yang seharusnya dipandang serius oleh semua pihak terutama bagi ibu bapa dan penjaga Ibadah solat merupakan ibadah rukun dalam Islam yang membentengi kepada segala perbuatan keji dan mungkar. Hal ini dinyatakan dalam firman Allah SWT, dalam surah al-Ankabut 29:45 bermaksud:

“Bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

Ironinya, apabila benteng kepada jenayah sifat keji dan mungkar ini sudah terbuka, maka peluang kepada berlakunya sifat mazmumah ini terbuka luas. Amat malanglah kepada generasi muda yang menjadi harapan kepada agama, bangsa, dan negara sudah terjebak kepada anasir liar dan negatif (Masjuki Misbah, 2017).

Negara Malaysia masih tidak menghalang penggunaan rotan oleh ibu bapa bagi menjaga pengamalan agama anak-anak contohnya dalam aspek solat. Tujuannya adalah supaya anak-anak mengerti bahawa ia adalah satu perkara yang amat dititikberatkan.

Menurut al Ghazali dalam Norul Huda binti Bakar (2018) anak-anak adalah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa. Ibu bapa berperanan dan berkewajipan dalam memberi didikan agama sebaiknya kepada anak-anak terutamanya dalam hal berkaitan ibadah.

Walaupun ibu bapa mempunyai hak untuk menghukum anak-anak di bawah jagaan mereka namun haruslah tetap menjaga hak kanak-kanak yang sepatutnya agar tidak berlaku penderaan atau hukuman di luar batasan. Akta yang diperuntukkan untuk melindungi hak kanak-kanak di negara kita ialah Akta Kanak-Kanak pindaan 2016, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan rang Undang-Undang Kanak-Kanak pindaan 2015.

Garis panduan untuk rotan dan pukulan telah disediakan untuk dijalankan oleh pihak sekolah tetapi hukuman atau pukulan daripada ibu bapa belum ada garis panduan yang ditetapkan. Maka penulisan ini mencadangkan agar kajian mendalam perlu dijalankan agar garis panduan merotan dengan oleh ibu bapa dapat dikeluarkan dengan mengambil kira adab, akhlak, hikmah dan takdib.

Pelaksanaan hukuman berbentuk fizikal sewajarnya menjadi pilihan hukuman yang paling akhir digunakan oleh ibu bapa dan pendidik dalam mendidik anak-anak. Namun, sebelum hukuman fizikal ini boleh dilakukan, ibu bapa dan pendidik perlu mengambil kira beberapa perkara terlebih dahulu, iaitu mengenal pasti kesalahan anak, melaksanakan hukuman bukan dalam keadaan marah, adil dalam memutuskan hukuman serta hukuman ini merupakan pilihan terakhir setelah hukuman lain tidak memberi kesan positif (Kamarul Azmi Jasmi, 2008). Menurut beliau juga ada empat perkara yang perlu diambil kira sebelum menghukum anak-anak. Setelah semua perkara yang disebutkan di atas diambil kira dan diperhatikan barulah anak yang bersalah dijatuhkan hukuman dengan menggunakan rotan, cambuk, tali pinggang atau sebagainya. Namun ibu bapa dan pendidik perlu melihat pula kepada syarat penggunaan hukuman fizikal yang hendak dilaksanakan. Secara ringkas, peraturan penggunaan hukuman fizikal ini terdiri daripada perkara berikut; iaitu syarat umur, syarat peralatan, syarat tempat memukul dan syarat memukul.

## **RUMUSAN**

Penulisan ini amat bersetuju agar anak-anak diterapkan dengan pengamalan solat yang konsisten daripada kecil. Kesimpulannya, Islam itu tidak pernah suka kekerasan dan kekasaran. Adalah tidak benar sama sekali untuk meletak Islam itu agama yang tidak ada toleransi hanya kerana memahami hadis ini secara surat. Islam memberi penerangan pukulan bagaimana yang dibolehkan dan yang bagaimana harus dielakkan. Ini kerana tujuan memukul dalam tahap ini ialah untuk mendidik dan bukannya memukul kerana hukuman melanggar ketatasusilaan dalam masyarakat. Di samping tujuannya yang tidak lari daripada untuk mengembalikan anak-anak ke dalam kawalan ibu bapa.

Diharap juga ada kajian lanjutan berkenaan persepsi ibu bapa terhadap pemahaman dan amalan mengenai hadis memukul anak jika tidak menunaikan solat apabila sudah berumur sepuluh tahun.

**RUJUKAN**

Al-Quran al Karim

- Hasna, B. (2016). Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Retrieve from <http://eprints.utm.my/id/eprint/60730/1/HasnaBidinMFGHT2016.pdf>
- Jasmi, Kamarul Azmi & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2008). Penggunaan hukuman fizikal dalam pendidikan anak-anak in 1st National Seminar on Child Law 2008 (NCCL 08) pada 13hb. Julai 2008 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu anjuran Faculty of Law & International Relations, UDM.
- Latifah, A. (2019). Rotan kaedah pendidikan terakhir. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/581618/rotan-kaedah-pendidikan-ter-akhir>
- Lilly Suzana, S. (2016). Konsep “suruh” dan “pukul” dalam pentarbiahan anak-anak: Tinjauan dalam huraian sunnah. Retrieve from [https://www.researchgate.net/publication/327271117\\_KONSEP\\_SURUH\\_DAN\\_PUKUL\\_DALAM\\_PENTARBIAHAN\\_ANAK-ANAK\\_TINJAUAN\\_DALAM\\_HURAIAN\\_SUNNAH](https://www.researchgate.net/publication/327271117_KONSEP_SURUH_DAN_PUKUL_DALAM_PENTARBIAHAN_ANAK-ANAK_TINJAUAN_DALAM_HURAIAN_SUNNAH)
- Linawati, A. (2014). Jika dilihat kes Sweden, hukuman dera kanak-kanak di Malaysia membimbangkan-SUHAKAM. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jika-dilihat-kes-sweden-hukuman-dera-kanakkanak-di-msia-membimbangkan-suhakam-32861>
- Masjuki, M. (2017). Hubungan tahap pelaksanaan solat fardu dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di daerah Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis MA. Skudai: UTM.
- Masthurhah Ismail et al. (2013) Educational strategies to develop discipline among students from the Islamic perspectives. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 107 (2013) 80 – 87 1877-0428 © 2013.
- Md. Zahidul, I., & Md. Mashiur, R. (2015). Corporal Punishment: The case of a child abuse by a Malaysian couple in Sweden. *Advances in Environmental Biology*, 9(17) Special 2015, Pages: 9-11. ISSN-1995-0756 EISSN-1998-1066.
- Mohd Azrone, S. (2017). Hukuman rotan kekal dasar Kementerian Pendidikan. Retrieve from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/350945/hukuman-rotan-kekal-dasar-kementerian-pendidikan>.

- Mohd Murtadza, A. (2019). Pendidikan anak dengan solat. Retrieved from <http://www.muftins.gov.my/v1/en/2019/04/19/pendidikan-anak-dengan-solat/>
- Nadia, H. (2014). Perkenal semula hukuman rotan di sekolah. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/11/16394/perkenal-semula-hukuman-rotan-di-sekolah>
- Norul Huda, B., & Dzaiqumar, H. (2018) Fiqh ibadah bagi kanak-kanak: Satu tinjauan literatur. *4th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2018)* Kuala Lumpur, 2554, 282–289. Iskandar, K. S. (2020).
- Siti Amalina, A. K. (2019). Kearifan tempatan dalam pendidikan kanak-kanak: Sorotan terhadap garis panduan hukuman rotan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). *Jurnal Fiqh*, Vol. 16 No. 1 (2019) 83-104
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003.
- Syed Umar Arif. (2018). Parlimen: Rotan pelajar jalan terakhir. Retrieve from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/402333/parlimen-rotan-pelajar-jalan-terakhir>
- Zainudin, A. B., & Jani, T. (2010). Persepsi ibu bapa terhadap hukuman merotan ke atas pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di SMK Ulu Tiram, Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis MA. Skudai: UTM